



Lawatan daripada SMK Agama Melor ke Perpustakaan Tengku Anis



Posted on **February 14, 2024**

by **Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang**



29 Januari 2024, Isnin – Perpustakaan Tengku Anis (PTA) telah menerima kunjungan daripada **SMK Agama Melor** bagi Lawatan Program Inspirasi Diri bersama SMK Agama Melor di UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) di bawah kendalian Unit Misi Akademik UiTMCK seramai 80 orang bersama 4 orang guru pengiring.

Taklimat pengenalan perpustakaan telah disampaikan oleh Cik Sazlina Saleh, Pembantu Pustakawan PTA bagi memberikan pendedahan akan perkhidmatan yang disediakan, kemudahan dan koleksi yang terdapat di PTA.

- **Taklimat pengenalan perpustakaan**



Kemudian diikuti dengan sesi kuiz atas talian dan aktiviti *library tour* dilakukan di sekitar kawasan PTA sejurus selepas tamat sesi kuiz yang dikendalikan oleh beberapa orang staf PTA & dibantu oleh pelajar latihan industri.

- **Sesi kuiz atas talian**



- **Library tour**





Semoga melalui lawatan ini dapat memberi pengetahuan kepada para pelajar mengenai perpustakaan terutamanya perkhidmatan yang disediakan samada dalam bentuk fizikal ataupun digital serta mendedahkan akan suasana perpustakaan.



Disediakan oleh: Sazlina Saleh, Pembantu Pustakawan PTA UiTMCK Kampus Machang

POSTED UNDER **KAMPUS MACHANG, UITM KELANTAN** **LAWATAN**
TAKLIMAT PENGENALAN PERPUSTAKAAN
PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS **SDG4** **SMK AGAMA MELOR** **UITMCK**

← **Bengkel 'Speed Reading for PTARC Members'**

Lawatan Tanda Aras Perpustakaan Dar Al-Hikmah, UIA →



Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang

